

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran Malaysia,  
Enche Hussein Onn di-Maktab Gaya, Sabah,  
pada Hari Sabtu, 25hb. September, 1971.

Perpaduan dan kesatuan Bangsa Malaysia adalah suatu matlamat yang mesti kita chapai demi kepentingan keutuhan bangsa dan negara Malaysia.

Maktab Gaya adalah sebuah maktab yang boleh menjadi suatu tapak semaian semangat muhibbah dan perpaduan bangsa kita. Sebab di-katakan demikian ialah kerana saya di-beritahu di-maktab ini terdapat para pelajar yang datang dari sagenap pelusok Malaysia - dari Perlis ka-Pulau Sebatik. Mereka ini pula mempunyai latar belakang kebudayaan, keperchayaan dan agama yang berlainan; ada Melayu, Kadazan, Bajau, China, India dan sebagai-nya. Oleh kerana itu maktab ini adalah sebuah institusi yang sangat unggul atau 'ideal' bagi melateh kesedaran kesatuan atau 'oneness' Bangsa Malaysia. Dengan ada-nya persekitaran sosial dan keadaan demikian di-sini, saya menyeru kepada pelajar2 dan pensharah2 sekalian 'pupoklah semangat dan perasaan muhibbah dan perpaduan kebangsaan Malaysia dan gunakanlah peluang dan kesempatan yang ada di-maktab ini dengan sapenoh2-nya untok mengenal dan memaham kebudayaan suku kaum yang berlainan di-negara kita supaya timbul kemesraan yang berkekalan di-antara satu dengan lain'.

Amalan ini seterusnya hendaklah di-sebarkan ka-luar maktab, ka-tengah2 masharakat kita yang berbilang kaum. Dengan latehan penghidupan saling mengerti di-sini, tentulah tidak sukar bagi pelajar2 mengamal bahkan menyebarkan-nya apabila tamat dari maktab ini nanti.

Satelah tamat berkursus di-sini tentulah ada di-antara pelajar2 nanti yang di-hantar berkhidmat ka-daerah2 luar bandar atau pendalaman. Berbagai keadaan yang berlainan dari yang biasa di-alami mungkin berhadapan dengan pelajar2 kelak. Kepada mereka2 ini saya suka nasehatkan 'Terimalah dengan semangat yang tabah dan sedia berkhidmat kepada masharakat dan bangsa' kerana hidup yang penoh chabaran itu adalah lebeh bererti dan mematangkan fikiran dan sahsiah sendiri.

Untok menjayakan Rancangan Malaysia Kedua, Kerajaan kita memerlukan tenaga pemuda pemudi yang berkalibar; yang berani menempoh sabarang dugaan. Berkhidmatlah kelak dengan penoh perasaan didekasi dan sama2lah berganding bahu dengan jentera2 kerajaan yang lain guna untok mengujudkan matlamat2 dan tujuan2 Rancangan Malaysia Kedua itu. Banyak perkara yang boleh di-buat oleh para guru dalam menjayakan rancangan ini. Mereka boleh membantu pemaju2 kampung serta menjadi penyedar masharakat tentang betapa perlu-nya rancangan murni yang bertujuan samata2 untok membaiki hidup raayat. Para pelajar boleh menjadi tenaga mem-basmi buta huruf di-luar bandar dan menyumbangkan derma bakti mereka dalam berbagai2 gerakerja masharakat yang berguna. Ada di-antara pelajar2 di-sini pula yang akan menjadi peneroka atau 'pioneer' dalam rancangan perkembangan persekolahan kebangsaan yang ber-bahasa pengantar Bahasa Malaysia, ia itu satu dasar pelajaran kebangsaan yang bersama2 mesti kita jayakan demi perpaduan bangsa dan negara.

Sudah semakin banyak sekolah2 menengah berpengantar Bahasa Malaysia yang muncul di-Negeri Sabah hasil daripada permintaan rakyat Sabah dan pilihan Kerajaan Negeri Sabah sendiri. Kepada bakal peneroka2 itu saya menyeru, 'janganlah sekali2 menghampakan segala hasrat dan harapan kebangsaan tersebut'. Di-tangan guru2lah letak-nya maju-mundur-nya persekolahan kebangsaan. Berilah sumbangan tuan2 dan puan2 dengan jujur dan setia untuk kepentingan perpaduan bangsa dan negara.

Izinkanlah saya menunjukkan ucapan ini sabentar kepada para pelajar yang datang dari Malaysia Barat. Mereka ini patut di-puji kerana mempunyai semangat peneroka dan pengembara. Mereka telah sanggup meninggalkan kampung halaman, kaum keluarga, sahabat handai yang beratus2 batu dari sini untuk datang berkhidmat di-Negeri Sabah yang sedang membangun dengan pesat-nya. Sukalah saya menyeru kepada mereka ini supaya berpegang tegoh kepada tujuan asal mereka datang kamari, ia-itu untuk menjadi guru. Berkhidmatlah dengan penuh kejujuran supaya sumbangan kamu itu berguna kepada masyarakat. 'Di-mana2 juga dalam Malaysia adalah sama sahaja, asalkan kita jujur, bersikap sehat, pandai bergaul dan menyesuaikan diri dengan masyarakat tempat kita berada'.

Apabila semua pelajar telah tamat pengajian di-maktab ini janganlah pula berhenti belajar. Amalkanlah chogankata 'sekali belajar, terus belajar'. Guru2 adalah suatu golongan ikhtisas atau 'professional'. Oleh sebab itu mereka ialah orang2 yang bukan sahaja memelihara pengetahuan yang sedia ada bahkan sapanjang kerjaya mereka senantiasa mengikuti perkembangan2 sambil menambahkan pengetahuan dan kecekapan akademik dan ikhtisas sendiri. Tiap2 guru hendaklah mempunyai chita2 meningkat maju dalam perkhidmatan hingga ka-peringkat tertinggi yang ia berkeupayaan menchapai-nya.

Satahu saya mata2 pelajaran akademik yang di-ajar di-maktab ini sedikit sabanyak adalah membawa para pelajar ka-arah Sijil Tinggi Persekolahan atau H.S.C. Kita sedia maalum bahawa taraf pelajaran di-Sabah kian hari kian meninggi dan dalam masa yang sengkat akan menyamai taraf pelajaran di-mana2 juga dalam Malaysia. Dalam masa yang paling dekat kita ingin melihat ramai para pensharah terdiri dari anak2 tempatan yang berkebolehan mengajar dalam Bahasa Malaysia mahu pun Bahasa Inggeris. Mereka akan menggantikan pensharah2 konterek dan pensharah2 pinjaman dari Malaysia Barat. Mereka yang dari Malaysia Barat itu di-datangkan kamari atas dasar sementara menanti guru2 tempatan yang layak mengganti mereka.

Sumbangan pensharah2 itu amatlah besar maana-nya di-sini. Mereka yang terpilih menjadi pensharah di-sini ialah guru2 yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang perguruan. Kepada pensharah2 ini, sukalah saya menyeru supaya mereka berkhidmat kepada maktab dan kepada Negeri Sabah dengan taat dan jujur bagi memajukan anak bangsa kita dalam jangka masa yang pendek yang di-tugaskan kepada mereka. Segala ajaran dan bimbingan tuan2 dan puan2 janganlah pula semata2 terhad kepada empat penjuru bilek sharahan sahaja, bahkan sumbangan tuan2 dan puan2 di-kehendaki di-luar maktab dan di-dalam masyarakat tempatan juga mengikut apa yang di-fikirkan sesuai oleh Jabatan Pelajaran dan Kerajaan Sabah. 'Berilah sapanoh tenaga dan kebolehan yang ada pada tuan2 dan puan2. Saya perchaya pensharah2 kita ini sangat berminat dengan tugas2 mereka dan sedang berkhidmat dengan penuh semangat dedikasi

dan bertanggung jawab. Boleh jadi juga ada di-antara pensharah2 dan pelajar2 dari Malaysia Barat di-sini yang telah atau dalam proses menubuhkan salitul-rahim yang berkekalan dengan anak2 tempatan hingga timbul keinginan bermastautin terus di-Negeri Sabah, menjadi raayat Sabah, berumah-tangga dan beranak chuchu di-Sabah! Jika ada yang begitu bagi pihak Kementerian Pelajaran tiada apa2 halangan bahkan akan di-ucapkan 'Selamat Berbahagia' jua ada-nya.





No. Siri ..... 73  
No. Penerimaan ..... 73 / 80